

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

HGM 233 – Geografi Bandar dan Metropolitan

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT [4]** soalan sahaja. **DUA [2]** soalan dari setiap bahagian.

Bahagian A:

1. [a] Bezakan dua jenis Kawasan Desakota di rantau Asia menurut McGee (1991).
[10 markah]

- [b] Pada pendapat anda, jenis yang mana satukah amat sesuai untuk menjelaskan fenomena yang berlaku di kawasan Lembah Klang ketika ini?
[15 markah]

2. Huraikan ciri-ciri organisasi sosial ekonomi “reflexivity” dan jelaskan bagaimana ianya boleh dijadikan asas kepada teori ekonomi bandar kontemporari.
[25 markah]

3. [a] Merujuk kepada contoh-contoh tertentu, jelaskan maksud kebolehsaingan bandar dalam konteks ekonominya.

[10 markah]

- [b] Huraikan empat atribut bandar tersebut yang boleh dianggap sebagai petunjuk kebolehsaingan ekonominya.

[15 markah]

4. [a] Huraikan evolusi kawasan pinggir bandar-desa di Amerika Syarikat dengan merujuk khusus kepada pengaruh faktor pengangkutan dan kemewahan.

[10 markah]

- [b] Pada pendapat anda, apakah perkembangan semasa dalam sistem pengangkutan dan tahap kemewahan penduduk bandar-bandar besar di Malaysia akan memungkinkan fenomena yang sama wujud di negara ini?

[15 markah]

Bahagian B:

5. Merujuk kepada contoh yang sesuai, bincangkan sejauhmana relevannya hujah bahawa akar umbi kepada krisis infrastruktur di kawasan bandar adalah gabungan fenomena pusat bandar yang mengusang dan pelaburan modal yang menyusut.

[25 markah]

6. Merujuk kepada satu kawasan setinggan atau kawasan melarat, bincangkan secara kritikal profil masyarakat, organisasi komuniti dan langkah-langkah sesuai untuk mengurangkan masalah setinggan tersebut.

[25 markah]

...3/-

7. [a] Jelaskan konsep penyertaan awam dan pembangunan holistik dalam pembangunan bandar mega.

[10 markah]

- [b] Bincangkan secara kritikal bagaimana penyertaan awam tersebut boleh membawa kepada pembangunan bandar mega yang holistik.

[15 markah]

8. Merujuk kepada contoh-contoh yang sesuai, bincangkan secara kritikal manfaat dan cabaran yang dihadapi oleh penduduk dan pihak berkuasa tempatan bandar mega.

[25 markah]